

**PRAKATA****Yang Dipertua****Majlis Perbandaran Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khusus**

Pelan Induk Landskap (PIL) menggariskan beberapa dasar dan strategi pembangunan landskap mengikut kawasan yang telah dikenalpasti bagi keseluruhan Port Dickson sehingga tahun 2020. Pembentukan pelan induk ini adalah berdasarkan pengiktirafan kerajaan negeri Negeri Sembilan Darul Khusus 'Port Dickson, Pantai Peranginan Negara, "Wellness Zone" Dan Bandar Tentera Darat'.

Sumber pelancongan semulajadi, aspek sejarah, sosio budaya masyarakat merupakan antara asas pembentukan tema pembangunan landskap Port Dickson "Bandar Pelancongan Negara" kearah mentransformasikan daerah Port Dickson sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa.

Teras pembangunan landskap merangkumi aspek pengindahan, penyediaan kemudahan landskap dan rekreasi disamping pemuliharaan dan pemeliharaan alam semulajadi. Perancangan landskap diketengahkan mengikut kawasan cadangan iaitu pusat bandar dan pekan utama, kawasan bersempadanan, kawasan jalan utama, pusat pengangkutan awam, kawasan lapang dan rekreasi, kawasan pelancongan, kawasan bersejarah, kawasan industri, kawasan perumahan, kawasan institusi, kampung tradisional dan kawasan semulajadi.

Laporan pelan induk ini disediakan sebagai asas rujukan kepada semua agensi kerajaan dan pihak pemaju untuk memastikan setiap pembangunan mempunyai landskap yang komprehensif dan terancang berdasarkan objektif, wawasan, strategi, polisi dan garis panduan. Menerusi pelan induk landskap ini, beberapa pelan cadangan pembangunan landskap telah disediakan, disamping memandu hala tuju perancangan landskap secara menyeluruh bagi Port Dickson.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung ataupun tidak dalam menyediakan Pelan Induk Landskap ini terutamanya kepada Jabatan Landskap Negara, Morphosis Design Sdn Bhd, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta dan orang perseorangan.

Sekian, terima kasih.

Abdul Wahab Bin Shamsuddin

